

## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN BIL.1 TAHUN 2013**

### **ASET KERAJAAN ASAS AKRUAN**

#### **1. TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan memberi pemahaman berkaitan definisi, kategori dan usiaguna aset dalam pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015. Manakala perkara berkaitan pengiktirafan, pengukuran serta pendedahan aset dalam penyata kewangan perlu merujuk kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS - *Malaysian Public Sector Accounting Standard*).

#### **2. LATAR BELAKANG**

Sejajar dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2013, Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan perakaunan asas akruan mulai 2015. Definisi, pengiktirafan dan pengukuran aset sedia ada perlu diselaraskan mengikut asas perakaunan akruan berdasarkan MPSAS.

#### **3. ASET DALAM ASAS PERAKAUNAN TUNAI UBAHSUAI**

Mengikut Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai dan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa, aset dikategorikan seperti berikut:

##### **3.1. ASET ALIH**

Aset alih terdiri daripada harta modal dan inventori berdasarkan nilai perolehan dan fungsi.

##### **3.2. ASET HIDUP**

Aset hidup terdiri daripada ikan, haiwan dan tumbuhan berdasarkan nilai perolehan dan fungsi.

##### **3.3. ASET TAK ALIH**

Aset Tak Alih terdiri daripada tanah, infrastruktur dan bangunan.

### **3.4. AKAUN BELUM TERIMA**

Akaun belum terima ditakrifkan sebagai sejumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan pada sesuatu ketika tetapi belum diterima berasaskan kepada bil atau melalui dasar dan keputusan Kerajaan yang berkuatkuasa.

### **3.5. STOK**

Stok adalah barangan yang belum diguna dan perlu disimpan untuk tujuan operasi atau penyelenggaraan.

### **3.6. PELABURAN**

Pelaburan adalah pembelian dan penjualan aset dan instrumen kewangan selain daripada wang tunai. Pelaburan diklasifikasikan kepada Pelaburan Kumpulanwang Amanah iaitu pelaburan daripada sumber Kumpulanwang Amanah dan Pelaburan Am iaitu pelaburan daripada Akaun Hasil Disatukan.

## **4. ASET DALAM ASAS PERAKAUNAN AKRUAN**

Menurut MPSAS 1, aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti.

Aset kerajaan boleh dibahagi kepada aset semasa dan aset bukan semasa. Aset semasa adalah aset yang boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh jangka pendek manakala aset bukan semasa adalah aset yang hanya boleh ditukar kepada tunai selepas satu tahun.

Aset diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu Aset Ketara dan Aset Tak Ketara.

### **4.1. Aset Ketara**

Aset ketara adalah aset yang mempunyai kewujudan fizikal yang boleh disentuh.

#### **4.1.1. Inventori**

Menurut MPSAS 12, Inventori adalah aset:

- i) dalam bentuk barangan atau bekalan untuk digunakan dalam proses pengeluaran;
- ii) dalam bentuk barangan atau bekalan untuk digunakan atau diedarkan dalam pembekalan perkhidmatan;

- iii) dipegang untuk dijual atau diedar dalam operasi biasa; atau
- iv) dalam proses pengeluaran untuk dijual atau diedarkan

#### 4.1.2 Aset Pajak

Menurut MPSAS 13, Aset Pajak kewangan ialah pajak yang memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat pemilikan aset kepada pemajak. Penukaran hakmilik aset mungkin berlaku di akhir tempoh pajak. Pajak lain selain daripada pajak kewangan dinamakan sebagai pajak operasi. Pajak operasi tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat pemilikan aset kepada penyewa.

#### 4.1.3 Hartanah Pelaburan

Menurut MPSAS 16, Hartanah Pelaburan ialah harta dalam bentuk bangunan atau tanah atau sebahagian daripada bangunan atau kedua-duanya yang dimiliki bagi tujuan mendapatkan sewa atau bagi peningkatan modal dan **bukan** untuk tujuan:

- i) penggunaan dalam pengeluaran atau perkhidmatan bagi tujuan pentadbiran; atau
- ii) digunakan dalam perjalanan biasa operasi kerajaan

#### 4.1.4 Hartanah, Loji dan Peralatan

Menurut MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan adalah aset ketara yang:

- i) dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, untuk disewakan kepada pihak lain, atau untuk kegunaan urusan pentadbiran; dan
- ii) dijangka akan digunakan bagi jangka masa yang melebihi daripada satu tempoh pelaporan

Had nilai aset untuk dipermodalkan adalah RM2,000 untuk setiap item.

#### 4.1.5 Aset Pertanian

Menurut MPSAS 27, Aset Pertanian terdiri daripada aset biologi (haiwan dan tumbuhan) dan hasil pertanian. Manakala hasil pertanian selepas penuaian diperakaunkan sebagai inventori mengikut MPSAS 12.

4.1.6 Aset Kewangan

Menurut MPSAS 28, MPSAS 29 dan MPSAS 30, Aset Kewangan terdiri daripada :

- i) Aset kewangan pada nilai saksama lebih atau kurangan
- ii) Aset yang dipegang untuk pelaburan matang
- iii) Pinjaman dan akaun belum terima (ABT merupakan amaun yang patut diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan)
- iv) Aset kewangan sedia untuk dijual

4.1.7 Aset Konsesi

Menurut MPSAS 32, Aset Konsesi adalah aset yang digunakan untuk menyediakan perkhidmatan awam mengikut perjanjian konsesi perkhidmatan.

4.1.8 Aset Dalam Pembinaan

Aset dalam pembinaan merupakan aset yang masih dalam pembinaan dan belum siap sepenuhnya. Aset ini akan digunakan sebagai pejabat atau alat dalam menyediakan perkhidmatan.

**4.2 Aset Tak Ketara**

Menurut MPSAS 31, Aset Tak Ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenalpasti tanpa kewujudan secara fizikal. Contoh Aset Tak Ketara dalam sektor awam ialah seperti perisian komputer, paten, hak cipta dan kuota import diperolehi.

**4.3 Aset Kontinjen**

Menurut MPSAS 19, Aset Kontinjen adalah aset yang mungkin diperolehi dari peristiwa lepas dan kewujudannya hanya disahkan dengan berlakunya peristiwa tersebut di masa akan datang dan berada di luar kawalan entiti.

**5 KATEGORI DAN USIA GUNA ASET**

- 5.1 Kategori aset merujuk kepada aset yang diperincikan mengikut klasifikasi sesuatu aset.
- 5.2 Usia guna aset merujuk kepada jangka hayat ekonomi aset tersebut boleh digunakan.

Kategori dan usia aset seperti di **Lampiran A**.

## **6 PEMAKAIAN**

Semua Kementerian perlu mengambil kira garis panduan ini dalam mengurus dan merekod maklumat berkaitan aset selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan.

Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh diajukan kepada :

Pengarah  
Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 4, Blok JANM  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana  
**62594 PUTRAJAYA**  
(u.p : En. Er Beng Kiong – 8882 1251, [erbk@anm.gov.my](mailto:erbk@anm.gov.my))  
( Pn. Nor Yati binti Ahmad – 88821163, [noryati.ahmad@anm.gov.my](mailto:noryati.ahmad@anm.gov.my))

## KLASIFIKASI DAN USIA GUNA ASET

KATEGORI DAN KLASIFIKASI	SENARAI ASET	USIAGUNA ASET (TAHUN)
<b>ASET KETARA</b>		
a) Tanah dan Bangunan	<u>Tanah</u> Tanah pajakan Tanah pegangan bebas  <u>Bangunan</u> Bangunan Kediaman Bangunan Kerajaan Lain-lain Bangunan	- - 25-50 25-50 25-50
b) Kerja dan Infrastruktur	Kemudahan Pengangkutan Darat Kemudahan Pengangkutan Udara Kemudahan Pengangkutan Air Kemudahan Riadah dan Taman Kemudahan Talian & Pengairan Kemudahan Kawalan Banjir Kemudahan Pembentungan Kemudahan elektrik	10 - 50 10 - 15 20 - 100 5 - 10 50 - 100 20 - 100 20 - 100 20-30
c) Jentera dan Peralatan	Loji/Jentera Peralatan dan Kelengkapan Pejabat Perabot Peralatan dan kelengkapan ICT Peralatan dan Kelengkapan Komunikasi Peralatan dan Kelengkapan Penyiaran & Muzik Peralatan dan Kelengkapan Makmal Peralatan dan Kelengkapan Alam Sekitar  Peralatan dan Kelengkapan Sukan/ Rekreasi Peralatan dan Kelengkapan Pertanian/ Perhutanan/ Marin Peralatan dan Kelengkapan Dapur Peralatan Dan Kelengkapan Perubatan Peralatan dan Kelengkapan Keselamatan  Peralatan Dan Kelengkapan Bengkel Kejuruteraan	8 - 20 3 - 10 3 - 10 5 - 13 3-20 3-28 3-40 3-10  5-10 5 - 25 7-20 5 - 20 3-30  3 - 20
d) Aset Pertahanan	Aset Pertahanan	-
e) Kenderaan	Kenderaan robotik Kereta Bas Motosikal Lori/Trak	5-10 5-20 5-15 5-10 5 - 15

KATEGORI DAN KLASIFIKASI	SENARAI ASET	USIAGUNA ASET (TAHUN)
	Kapal Laut dan bot Kapal Terbang dan Helikopter Kenderaan Lain	5 - 20 12 - 30 5 - 15
f) Aset Dalam Pembinaan		-
g) Aset Di bawah Pajakan Modal		-